

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12/12/2018

Bersedia untuk guna diesel B20

PUTRAJAYA 11 Dis. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap semua pihak akan bersedia sepenuhnya bagi peningkatan kadar adunan biodiesel kepada B20, iaitu 20 peratus adunan biodiesel sawit dengan 80 peratus diesel fosil menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri berkata, program biodiesel itu amat penting kerana pokok sawit merupakan tanaman penting dan menjaga ekonomi negara sejak sekian lama. Menurut beliau, penggunaan biodiesel sawit akan memberi impak yang positif terhadap industri sawit melalui pengurangan stok minyak sawit dan seterusnya menstabilkan harga bahan mentah itu.

"Melalui usaha ini, pekebun kecil sawit sebanyak 650,000 orang akan terus menikmati harga sawit yang lebih stabil dan meningkatkan pendapatan. Program biodiesel negara juga

akan membantu negara mencapai objektif mobiliti karbon rendah seperti yang digariskan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran Pelaksanaan Program B10 Sektor Pengangkutan di Dataran Putra, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin program B10 untuk sektor pengangkutan akan berjalan lancar dan dapat meningkatkan permintaan minyak sawit dalam negara mulai Disember 2018.

Di samping itu, katanya, beliau berharap pelaksanaan program B7 untuk pertama kali di sektor industri bermula 1 Julai 2019 akan menjadi pelengkap program biodiesel negara dalam mengukuhkan pasaran domestik minyak sawit.



MAHATHIR MOHAMAD memandu uji kereta biodiesel dalam majlis pelancaran Program Biodiesel B10 Sektor Pengangkutan di Putrajaya semalam. - BERNAMA

m/s: 3
UM - 12/12/2018